

OBJEKTIF PELABURAN

Untuk melabur dalam ekuiti yang patuh kepada Syariah dan disenaraikan untuk memberikan pertumbuhan modal jangka sederhana hingga jangka panjang melalui kepelbagaian pelaburan dalam portfolio yang berasaskan pertumbuhan.

SASARAN PASARAN

Sesuai untuk pelabur yang mementingkan pertumbuhan dana dan sanggup menerima risiko yang tinggi dalam pulangan pelaburan.

PENGURUS DANA


Takaful Ikhlas Family Berhad (593075-U)
(Dahulu dikenali sebagai Takaful Ikhlas Berhad))

Pengurus Dana Luar Yang Dilantik:
CIMB-Principal Islamic Asset Management Berhad

DATA DANA

NAV/Unit	RM 1.1110
Nilai Dana	RM 40,203,485.23
Unit dalam peredaran	36,186,453.93
Tarikh Permulaan Dana	16 Disember 2006
Yuran Pengurusan	1.50% setahun daripada NAV
Tanda Aras	FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah Index
Dana Sasaran	Dana CIMB Islamic Dali Equity Growth

PRESTASI DANA



PERUNTUKAN ASET

	Ekuiti	Tunai	Sukuk
%	83.65	16.31	0.04

MAKLUMAT TAHUN KEWANGAN

PEMEGANG TERATAS %	SEKTOR TERATAS %		Growth (%)	Tanda aras (%)	GIA 12-bulan	Tertinggi NAV	Terendah NAV
Tenaga Nasional Bhd 8.92	Trading / Services 32.19	2013/14	16.46	0.72	0.73	1.3393	1.1040
Petronas Chemicals Group Bhd 6.22	Industrials 19.08	2014/15	1.32	0.72	0.73	1.3885	1.2294
Axiata Group Bhd 3.83	Plantations 9.74	2015/16	(3.70)	(2.36)	0.81	1.4207	1.2722
Petronas Gas Bhd 3.38	Properties 5.31	2016/17	4.24	2.50	3.15	1.3793	1.2307
IOI Corp Bhd 3.12	Consumer 5.11	2017/18	0.06	3.27	3.12	1.3149	1.1567

JUMLAH PULANGAN

	1 Bulan	6 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun
Growth (%)	(4.66)	(26.21)	(32.14)	(20.84)	(18.49)
Benchmark (%)	(1.18)	(4.11)	(9.65)	(6.00)	(10.95)

STRATEGI PELABURAN

Prestasi Dana pada November 2018 ialah -1.53%, kurang berprestasi dari tanda aras sebanyak 0.35%. Prestasi yang kurang memberangsangkan ini terhasil dari lebih wajaran dalam Perindustrian dan neutral pada sektor Penjagaan Kesihatan. Pada peringkat saham, dana terkesan oleh lebih wajaran dalam Pos Malaysia dan IHH serta pengurangan wajaran dalam Maxis. Setakat hari ini pada tahun ini (YTD), dana mengatasi Tanda Aras sebanyak 1.43%.

November menyaksikan pelabur asing menjual RM0.70 bilion berbanding RM1.5 bilion dalam bulan sebelumnya. Jumlah aliran keluar bagi Bulan 11 2018 mencecah RM10.7 bilion berbanding aliran masuk bersih sebanyak RM10.8 bilion pada 2017. Pada 1,679 mata, KLCI diperdagangkan pada 16.0x Nisbah Harga Perolehan, yang mana ia adalah wajar berbanding purata yang pernah dicapainya sebelum ini. Konsensus melihat pertumbuhan pendapatan 1% untuk 2018 dan 6% untuk 2019 dan kami berbandangan bahawa dengan unjuran KDNK yang lebih rendah di bawah 5% oleh pihak Kerajaan untuk 2018 dan 2019, prospek pertumbuhan pendapatan korporat konsensus untuk 2018 dan 2019 akan diuji.

Kami terus menegaskan pandangan berwaspada kami terhadap pasaran domestik bagi 2018 yang selebihnya ini dan 2019. Kami menganggap gencatan perang perdagangan antara AS dan China lanjutan dari pertemuan G20 sebagai penangguhan jangka pendek untuk pasaran sementara masa tambahan dicari untuk menyelesaikan pertikaian perdagangan antara kedua-dua negara selama 90 hari bermula dari 1 Januari. Risiko peningkatan tidak dapat ditolak yang akan memburukkan lagi risiko untuk menyederhanakan pertumbuhan ekonomi global dalam keadaan kewangan yang menekan ini. Di peringkat tempatan, perolehan 3Q18 yang lemah menyebabkan ia membawa kepada semakin penurunan Street yang lebih rendah untuk 2018 dan 2019 dan ini akan menambah tekanan kepada KLCI. Bersandarkan semua ketidakpastian ini, kami menegaskan strategi pelaburan pemulihan modal kami dengan memilih GLC bermodal besar dan syarikat-syarikat yang memiliki asas yang teguh serta aliran tunai yang kukuh dan dividen dalam sektor seperti Utiliti & Tenaga Boleh Diperbaharui dan Perindustrian. Kami juga positif pada Pengeksport apabila konflik perdagangan AS-China mungkin memberi manfaat pada pemain berkaitan teknologi dan Perkhidmatan Pengeluaran Elektronik ("EMS") di Malaysia.

Nota: YTD-FY menunjukkan tempoh bermula 1 April 2018

OBJEKTIF PELABURAN

Untuk mencapai pertumbuhan modal jangka sederhana hingga panjang melalui pelaburan ke dalam ekuiti patuh Syariah yang disenaraikan, sekuriti hutang dan aset-aset patuh Syariah lain. Dana ini memberikan gabungan yang seimbang antara pendapatan dan ekuiti.

SASARAN PASARAN

Sesuai untuk pelabur yang bersedia menerima risiko pelaburan sederhana sepanjang jangka masa sederhana hingga panjang.

PENGURUS DANA

Takaful Ikhlas Family Berhad (593075-U)
(Dahulu dikenali sebagai Takaful Ikhlas Berhad))

Pengurus Dana Luar Yang Dilantik:
CIMB-Principal Islamic Asset Management Berhad

DATA DANA

NAV/Unit	RM 1.4739
Nilai Dana	RM 20,616,158.83
Unit dalam peredaran	13,987,756.93
Tarikh Permulaan Dana	16 Disember 2006
Yuran Pengurusan	1.00 hingga 1.50% setahun daripada NAV
Tanda Aras	60% FBM EMAS Shariah Index + 40% CIMB Islamic 1-Month Fixed Return Income Account-i (FRIA-I)
Dana Sasaran	Dana CIMB Islamic Balanced Growth

PEMEGANG TERATAS %

Tenaga Nasional Bhd	8.84
Petronas Chemicals Group Bhd	5.43
Bank Islam Malaysia Bhd	3.45
Dialog Group Bhd	2.65
Petronas Gas Bhd	2.47

SEKTOR TERATAS %

Sukuk	43.76
Trading / Services	20.82
Industrials	12.03
Consumer	4.84
Plantations	2.17

JUMLAH PULANGAN

	1 Bulan	6 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun
Balanced (%)	(1.23)	(10.21)	(11.88)	(0.87)	7.57
Tanda aras (%)	(0.60)	(1.83)	(4.54)	0.03	1.78

STRATEGI PELABURAN


Pada November 2018, Dana meningkat sebanyak 3.08%, mengatasi tanda aras sebanyak 0.41%. Setakat hari ini, Dana merudum sebanyak 0.18%, melebihi Tanda Aras sebanyak 3.29%. Prestasi yang lebih baik ini disebabkan oleh wajaran lebih rendah dalam ekuiti dan peningkatan wajaran kepada Pendapatan Tetap dan tunai.

Di peringkat tempatan, perolehan 3Q18 yang lemah menyebabkan ia membawa kepada semakan penurunan Street yang lebih rendah untuk 2018 dan 2019 dan ini akan menambah tekanan kepada KLCI. Bersandarkan semua ketidakpastian ini, kami menegaskan strategi pelaburan pemulihan modal kami dengan memilih GLC bermodal besar dan syarikat-syarikat yang memiliki asas yang teguh serta aliran tunai yang kukuh dan dividen dalam sektor seperti Utiliti & Tenaga Boleh Diperbaharui, Makanan Rujukan Pengguna dan Perindustrian. Kami juga positif pada tempoh pertengahan Pengeksport apabila konflik perdagangan AS-China mungkin memberi manfaat pada pemain berkaitan teknologi dan Perkhidmatan Pengeluaran Elektronik ("EMS") di Malaysia.

Berkenaan Sukuk, defisit fiskal yang lebih tinggi pada 2018 mungkin meningkatkan risiko keluk hasil menjadi semakin curam. Mengenai kadar polisi, kami fikir BNM berkemungkinan mengekalkan OPR tidak berubah pada 3.25% memandangkan terdapat perubahan struktur dalam potensi pertumbuhan KDNK yang lebih rendah bagi Rancangan Malaysia ke-11 yang selanjutnya. Berkenaan risiko kredit, sesetengah korporat kitaran menunjukkan tanda kelemahan perolehan dan aliran tunai yang disebabkan oleh landskap perniagaan yang mencabar. Digandingkan dengan spread kredit yang kecil dan kecairan sekunder yang rendah, kami amat memilih dalam menambah risiko kredit pada masa ini.

Nota: YTD-FY menunjukkan tempoh bermula 1 April 2018

PRESTASI DANA



	2017	2016	2015	2014	2013
Dana Sasaran	9.05	(3.36)	4.96	0.68	13.50
Tanda Aras	7.60	(2.49)	2.72	(1.37)	9.09

PERUNTUKAN ASET

	Ekuiti	Tunai	Sukuk	Saham Pilihan
%	45.19	11.03	43.76	0.02

MAKLUMAT TAHUN KEWANGAN

	Balanced (%)	Tanda aras (%)	12-bulan GIA	Tertinggi NAV	Terendah NAV
2013/14	13.89	0.74	0.73	1.4602	1.2549
2014/15	3.52	0.74	0.73	1.5070	1.3483
2015/16	(3.16)	(1.10)	0.81	1.5442	1.1942
2016/17	7.15	2.76	3.15	1.4977	1.3214
2017/18	5.50	3.19	3.12	1.5923	1.4326

OBJEKTIF PELABURAN

Objektif utama dana ini adalah untuk memberi purata pulangan yang tinggi kepada para pelabur berbanding purata pendapatan dari simpanan tetap, melalui pelaburan jangka sederhana hingga jangka panjang di dalam bon dan lain-lain sekuriti pendapatan tetap dengan kadar risiko yang minima terhadap modal yang dilaburkan.

SASARAN PASARAN

Dana ini boleh menarik minat pelabur yang mementingkan pulangan dan juga pertumbuhan modal.

PENGURUS DANA

Takaful Ikhlas Family Berhad (593075-U)
(Dahulu dikenali sebagai Takaful Ikhlas Berhad))

Pengurus Dana Luar Yang Dilantik:
CIMB-Principal Islamic Asset Management Berhad

DATA DANA

NAV/Unit	RM 1.3071
Nilai Dana	RM 15,420,937.99
Unit dalam peredaran	11,798,251.73
Tarikh Permulaan Dana	16 Disember 2006
Yuran Pengurusan	1.00% setahun daripada NAV
Tanda aras	Quantshop GII Medium Index
Dana Sasaran	Dana CIMB Islamic Sukuk

PEMEGANG TERATAS %

YTL Power International Bhd	4.60
Gamuda Bhd	3.43
Golden Assets Intl Fin Ltd	3.19
UEM Edgenta Bhd	2.75
UMW Hldg Bhd	2.61

SEKTOR TERATAS %

Sukuk	91.52
Tunai	8.48

JUMLAH PULANGAN

	1 Bulan	6 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun
Fixed Income (%)	(1.18)	(6.70)	(15.36)	(18.03%)	(12.01)
Tanda aras (%)	0.27	1.62	3.18	9.33	15.21

STRATEGI PELABURAN


Prestasi Dana bagi bulan November adalah 0.36%, yang mengatasi tanda aras sebanyak 0.09%.

Keluk hasil Terbitan Pelaburan Kerajaan ("GII") beralih lebih tinggi secara amnya sebanyak 1 ke 5 mata asas pada November kecuali bagi terbitan 10 tahun yang bergerak lebih rendah sebanyak 2 mata asas. Pada bulan itu, wujud minat di sepanjang tempoh 10 tahun itu walaupun berita menyebut bahawa GII 10 tahun akan ditambah kepada indeks bon global. Spread kredit mengecil pada November bagi tempoh 10 tahun dan ke bawah sementara ia melebar bagi tempoh bertarik lebih panjang apabila kadar hasil bagi sekuriti kerajaan menjadi lebih rendah bagi tempoh 15 tahun dan ke bawah.

KDNK Malaysia bagi 3Q18 terus semakin menyederhana kepada 4.4% Tahun ke Tahun dari S2: +4.5% Pertumbuhan terjejas oleh eksport bersih yang negatif walaupun permintaan domestik meningkat. Sementara itu, CPI Oktober memecut kepada 0.6% Tahun ke Tahun dari 0.3% Tahun ke Tahun pada September. CPI yang lebih tinggi ini kebanyakannya dipacu oleh peningkatan yang lebih pantas dalam makanan dan minuman serta kos pengangkutan. Seperti yang dijangkakan, Bank Negara Malaysia mengekalkan Kadar Polisi Semalaman stabil pada 3.25% dalam mesyuaratnya pada November dan kenyataan dasar monetari secara keseluruhannya adalah neutral. Para penggubal dasar mengekalkan bahawa ekonomi domestik berada pada laluan pertumbuhan yang mantap tetapi menyedari bahawa wujud risiko kepada pertumbuhan dari barisan global di tengah-tengah ketegangan perdagangan. Oleh itu, kami menjangkakan kadar faedah akan terus meningkat dengan inflasi yang lemah dan pertumbuhan ekonomi yang sederhana. Secara keseluruhannya, kami terus fokus pada segmen korporat bagi peningkatan kadar hasil yang lebih mantap dan lebih tinggi bagi menaikkan Dana.

Nota: YTD-FY menunjukkan tempoh bermula 1 April 2018

PRESTASI DANA



	2017	2016	2015	2014	2013
Dana Sasaran	4.65	5.04	3.53	3.77	1.85
Tanda Aras	4.62	3.95	4.87	4.23	1.19

PERUNTUKAN ASET

	Sukuk	Tunai
%	91.52	8.48

MAKLUMAT TAHUN KEWANGAN

	Fixed Income (%)	Tanda Aras (%)	GIA 12-bulan	Tertinggi NAV	Terendah NAV
2013/14	(3.56)	0.73	0.73	1.0784	1.0261
2014/15	8.46	0.73	0.73	1.1202	1.0253
2015/16	4.23	0.81	0.81	1.2065	1.0525
2016/17	10.83	3.15	3.15	1.2323	1.1292
2017/18	5.61	3.12	3.12	1.2813	1.1687

DANA GROWTH

Strategi & Pendekatan Pelaburan Dana ini akan dilaburkan ke dalam ekuiti patuh Syariah yang disenaraikan di Bursa Malaysia di mana pelaburan sasaran akan menjadi saham-saham bermodal besar dengan prospek pertumbuhan dan di mana perdagangan agak cair.

Peruntukan aset Portfolio pelaburan adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

- Sehingga 98% dari Portfolio akan dilaburkan dalam sekuriti ekuiti patuh Syariah;
- Sekurang-kurangnya 2% dari Portfolio akan dilaburkan dalam aset cair patuh Syariah;
- Nilai pegangan Portfolio bagi modal syer mana-mana penerbit tunggal tidak boleh melebihi 10% daripada jumlah aset Portfolio;
- Nilai pegangan Portfolio dalam sekuriti boleh pindah milik yang diterbitkan oleh mana-mana penerbit tunggal tidak boleh melebihi 15% daripada Nilai Aset Bersih (NAV) Portfolio ini;
- Nilai pegangan Portfolio bagi modal syer mana-mana kumpulan syarikat tidak boleh melebihi 20% daripada jumlah aset Portfolio;
- Deposit patuh Syariah hanya boleh diletakkan di Institusi Kewangan berlesen oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

DANA BALANCED

Strategi & Pendekatan Pelaburan Dana ini akan dilaburkan ke dalam pelbagai portfolio ekuiti yang patuh Syariah dan disenaraikan di Bursa Malaysia dan pelaburan Sukuk. Strategi dana adalah untuk mengekalkan keseimbangan portfolio di antara ekuiti yang patuh Syariah dan pelaburan pendapatan tetap dalam nisbah 60:40. Bahagian Sukuk di dalam Dana ini adalah untuk memberikan kestabilan modal kepada Dana ini, manakala bahagian ekuiti pula adalah untuk memberikan pulangan tambahan ketika pasaran meningkat naik.

Peruntukan Aset Portfolio pelaburan adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

- Sehingga 60 % dari Portfolio akan dilaburkan dalam sekuriti ekuiti patuh Syariah;
- Portfolio Pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap dan aset cair tidak boleh kurang daripada 40% daripada NAV;
- Sekurang-kurangnya 2% dari Portfolio akan dilaburkan dalam aset air patuh Syariah;
- Nilai pegangan Portfolio bagi modal syer mana-mana penerbit tunggal mesti tidak melebihi 10% dari jumlah aset Portfolio;
- Nilai pegangan Portfolio dalam sekuriti boleh pindah milik yang diterbitkan oleh mana-mana penerbit tunggal mesti tidak melebihi 15% dari NAV Portfolio;
- Nilai pegangan Portfolio bagi modal syer mana-mana kumpulan syarikat tidak boleh melebihi 20% daripada jumlah aset Portfolio;
- Penerbitan minima bagi Kredit Jangka Panjang adalah "A3" seperti yang dinilai oleh Rating Agency Malaysia Berhad ("RAM") atau setaraf dengannya oleh Malaysia Rating Corporation Berhad ("MARC");
- Penerbit minima bagi kredit Jangka Pendek adalah "P3" seperti dinilai oleh RAM atau setaraf dengannya oleh MARC;
- Deposit patuh Syariah hanya boleh diletakkan di Institusi Kewangan berlesen oleh BNM.

DANA FIXED INCOME

Strategi & Pendekatan Pelaburan	Dana ini akan dilaburkan ke dalam pelbagai portfolio yang terdiri daripada Sukuk, instrumen pasaran wang jangka pendek dan pelaburan lain yang dibenarkan di bawah prinsip Syariah dan bertujuan untuk menyediakan aliran pendapatan yang stabil.
Peruntukan aset	<p>Portfolio pelaburan adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">• Sehingga 98% dari Portfolio akan dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap patuh Syariah;• Sekurang-kurangnya 2% dari Portfolio akan dilaburkan dalam aset cair patuh Syariah;• Penerbit minima bagi Kredit Jangka Panjang adalah "A3" seperti yang dinilai oleh Rating Agency Malaysia Berhad ("RAM") atau setaraf dengannya oleh Malaysia Rating Corporation Berhad ("MARC");• Penerbit minima bagi kredit Jangka Pendek adalah "P3" seperti dinilai oleh RAM atau setaraf dengannya oleh MARC;• Pendedahan portfolio kepada mana-mana entiti Sukuk tunggal (tidak terpakai kepada sekuriti kerajaan, sekuriti BNM, aset berisiko sederhana dan rendah yang diluluskan oleh BNM) tidak boleh melebihi 20% daripada NAV;• Nilai pegangan portfolio di dalam sukuk (tidak terpakai kepada sekuriti kerajaan, sekuriti BNM, aset berisiko sederhana dan rendah yang diluluskan oleh BNM) bagi mana-mana kumpulan syarikat tidak boleh melebihi 30% daripada NAV;• Instrumen Pasaran Kewang Islam Malaysia mesti lah sekurang-kurangnya "P3" oleh RAM atau yang setaraf;• Deposit patuh Syariah hanya boleh diletakkan di Institusi Kewangan berlesen oleh BNM.

Pelaburan tertakluk kepada risiko-risiko berikut:-

1. Risiko pasaran Risiko yang berlaku disebabkan oleh persekitaran pasaran dan biasanya termasuk perubahan peraturan, politik, teknologi dan ekonomi. Kepelbagaian pelaburan Dana ke dalam dana amanah saham dari jenis berbeza (ekuiti atau bukan ekuiti) dan dengan pelbagai polisi dan strategi pelaburan dapat membantu meringankan pendedahannya pada ketidakpastian pasaran dan turun naik dalam pasaran.
2. Risiko kadar keuntungan - Risiko ini penting dalam dana Sukuk memandangkan pengurusan portfolio Sukuk bergantung pada jangkaan pergerakan kadar faedah. Secara amnya, permintaan bagi Sukuk bergerak secara songsang dengan pergerakan kadar faedah, maka apabila kadar faedah meningkat, permintaan bagi Sukuk menurun dan sebaliknya. Selain itu, Sukuk yang memiliki tempoh matang lebih lama dan kadar keuntungan lebih rendah adalah lebih mudah dipengaruhi oleh pergerakan kadar faedah. Sukuk tertakluk pada naik turun kadar faedah dengan tempoh matang lebih lama dan kadar faedah yang lebih rendah. Sukuk lebih mudah dipengaruhi oleh pergerakan kadar faedah sebegini. Risiko ini boleh dikurangkan melalui pengawasan dan penilaian pemboleh ubah mikro-ekonomi yang berterusan bagi memastikan strategi paling sesuai dilaksanakan untuk portfolio Dana.
3. Risiko Kredit/Ingkar - Bon tertakluk pada risiko kredit/ingkar apabila penerbit instrumen berdepan kesukaran kewangan, yang boleh mengurangkan kebolehpercayaan kredit mereka. Ini seterusnya menyebabkan keingkaran pembayaran bagi prinsipal dan faedah/keuntungan.
4. Risiko Kecairan - Kecairan merujuk pada mudahnya menukar sesuatu pelaburan kepada tunai tanpa menanggung kerugian nilai yang terlalu ketara. Sekiranya berlaku perkembangan negatif pada mana-mana penerbit, ini akan meningkatkan risiko kecairan bagi sekuriti tertentu. Ini kerana secara amnya, pembeli sedia bagi sekuriti itu akan berkurangan kerana kebimbangan terhadap meningkatnya keingkaran kredit. Risiko ini diuruskan dengan mengambil langkah lebih cermat dalam pemilihan dan kepelbagaian sekuriti.
5. Risiko Ketidapatuhan - Tidak mematuhi undang-undang, peraturan, kawal selia, amalan yang ditetapkan, polisi dan prosedur dalaman boleh mengakibatkan reputasi tercemar, peluang perniagaan yang terhad dan potensi pengembangan yang menurun kepada syarikat pengurusan. Matlamat pelaburan pelabur juga mungkin terjejas apabila pengurus dana tidak mematuhi mandat pelaburan. Risiko ini dapat dikurangkan melalui kawalan dalaman dan pengawasan pada pematuhan.
6. Risiko Inflasi - Inflasi boleh didefinisikan sebagai kemungkinan kerugian tidak ketara yang terjadi akibat peningkatan harga barangan dan perkhidmatan dalam sesebuah ekonomi pada suatu jangka masa tertentu. Inflasi menyebabkan pengurangan kuasa membeli dan jika inflasi sentiasa tinggi dari kadar pulangan pelaburan, nilai sebenar pelaburan akhirnya mungkin negatif.
7. Risiko Penerbit - Risiko ini merujuk pada risiko persendirian masing-masing bagi syarikat yang menerbitkan sekuriti. Risiko khusus termasuk, tetapi tidak terhad kepada perubahan selera dan permintaan pengguna, tindakan guaman, persekitaran operasi yang kompetitif, keadaan industri yang berubah dan kealpaan dan ralat pengurusan. Bagaimanapun, risiko ini dikurangkan dengan melabur dalam pelbagai syarikat dari sektor berbeza lalu menyebabkannya berfungsi secara bebas dari yang lain.
8. Risiko negara - Pelaburan asing mungkin terkesan oleh risiko khusus bagi negara di mana pelaburan dibuat seperti perubahan pada asas ekonomi negara, kestabilan sosial dan politik, pergerakan mata wang, polisi pelaburan asing dan sebagainya. Risiko ini boleh dikurangkan dengan melakukan kajian terperinci pada pasaran masing-masing, keadaan ekonomi, syarikat, politik dan sosialnya selain mengurangkan atau tidak melabur dalam pasaran itu.
9. Risiko Pengurusan - Terdapat risiko bahawa pihak pengurusan tidak mematuhi mandat pelaburan bagi dana tertentu. Dengan pengawasan teliti yang dilakukan oleh jawatankuasa pelaburan, sistem operasi dalaman yang disepadukan dengan had dan kawalan, dan melaporkan secara kerap kepada pasukan pengurusan kanan, syarikat pengurusan dapat menguruskan risiko ini.
10. Risiko Pengurusan Dana - Pengurusan dana yang lemah yang disebabkan oleh kurang pengalaman, pengetahuan, kepakaran dan teknik pengurusan yang lemah boleh memberi kesan buruk pada prestasi dana. Ini boleh menyebabkan pelabur mengalami kerugian dalam pelaburan dana.
11. Risiko Syariah - Risiko yang terjadi dari kemungkinan semakan status sekuriti dalam dana amanah saham dari patuh Syariah kepada tidak patuh Syariah dan kemungkinan melabur dalam dana amanah saham tidak patuh Syariah. Risiko ini dapat dikurangkan dengan menerusi semakan berkala pada sekuriti berkenaan oleh Jabatan Pematuhan Syariah dan Jawatankuasa Syariah. Tindakan perlu diambil oleh Pengurus Dana bagi melupuskan sekuriti tersebut seperti yang dianjurkan oleh Jabatan Pematuhan Syariah dan Jawatankuasa Syariah.

NOTA MENGENAI YURAN DAN CAJ

Pulangan Sebenar (Bersih dari Cukai dan Caj)

1. Prestasi dana sebelum ini tidak menjadi indikasi bagi prestasi akan datang.
2. Ini adalah prestasi dana pelaburan semata-mata, dan bukan pulangan yang diperoleh dari caruman sebenar yang dibayar oleh produk terangkai pelaburan.
3. Unit dicipta dan dibatalkan pada tarikh penentuan harga akan datang, masing-masing lanjutan dari penerimaan caruman atau pemberitahuan tuntutan.
4. Prestasi sebelum ini dikira berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAV). Formula pengiraan adalah seperti berikut:

$$\text{Pulangan Pelaburan} = \left[\left(\frac{\text{NAV 31 March Tahun X}}{\text{NAV 31 March Tahun (X-1)}} \right) - 1 \right] \times 100$$

MAKLUMAT LAIN

Asas & Keperaturan Penilaian Unit

1. Harga unit bagi mana-mana tarikh penilaian dana ditentukan dengan membahagikan NAV pada hari perniagaan sebelum tarikh penilaian dengan bilangan unit yang diterbitkan bagi dana berkenaan.
2. NAV ditentukan seperti berikut:
 - a) Harga pasaran transaksi terakhir di mana aset itu boleh dibeli atau dijual,
 - b) Tambah bilangan tunai dalam pegangan yang belum dilaburkan
 - c) Tambah sebarang pendapatan terakru atau dijangka
 - d) Tolak sebarang perbelanjaan yang dikeluarkan semasa membeli atau menjual aset
 - e) Tolak sebarang jumlah liabiliti Dana
 - f) Tolak jumlah yang berkaitan dengan menguruskan, menyelenggara dan menilai aset
3. Bagi memastikan layanan yang adil kepada semua pemegang unit, Pengurus Dana boleh mengenakan kos transaksi bagi memiliki atau melupuskan aset Dana, jika kos itu adalah ketara. Bagi mendapatkan semula kos memperoleh dan melupuskan aset, Pengurus perlu membuat pencairan aset atau pelarasan kos transaksi NAV seunit bagi mendapatkan semula jumlah Dana yang sudah dibayar atau dijangka dengan wajar bagi membayar penciptaan atau pembatalan aset.
4. Penilaian unit dibuat secara hari an pada setiap Hari Perniagaan.

Keadaan Tertentu

Pengurus boleh mengambil tindakan berikut yang mungkin menjadi perlu disebabkan oleh perubahan keadaan, sebagai cara melindungi kepentingan Peserta:-

1. Tertakluk pada sekurang-kurangnya tiga (3) bulan notis bertulis, Pengurus boleh:
 - a) Menutup Dana atau berhenti membenarkan peruntukan caruman tambahan atau mengalihkan aset ke dana baru yang mempunyai objektif pelaburan yang sama;
 - b) Menukar nama Dana
 - c) Membahagikan atau menggabungkan unit Dana sedia ada;
 - d) Membuat sebarang perubahan yang diperlukan yang disebabkan oleh keperluan kawal selia dan/atau perundangan.
2. Pengurus juga boleh memilih, tanpa notis terdahulu, bagi menggantung harga unit dan transaksi Sijil jika mana-mana bursa atau syarikat pengurusan amanah saham di mana Dana dilaburkan adalah digantung sementara dari membuat perdagangan.

Dokumen ini disediakan oleh Takaful Ikhlas Family Berhad ("Takaful IKHLAS Family") dan disediakan semata-mata sebagai maklumat sahaja. Maklumat yang disediakan di sini termasuk sebarang pernyataan pendapat atau jangkaan yang diperoleh daripada atau berdasarkan sumber-sumber yang kami percaya sebagai boleh dipercayai, tetapi tidak dijamin ketepatan atau kesempurnaannya. Maklumat ini diberikan tanpa kewajipan dan adalah difahami bahawa sesiapa yang bertindak yang disebabkan olehnya atau mengubah kedudukan kerana kebergantungan padanya, melakukannya sepenuhnya atas risiko sendiri. Ini tidak sepatutnya menjadi tawaran atau jemputan bagi melanggan atau membeli sekuriti. Pembaca dinasihatkan supaya membaca dan memahami kandungan Helaian Keterangan Produk dan Helaian Fakta Dana yang ditampikan di laman web Takaful IKHLAS Family serta Ilustrasi Jualan yang disediakan oleh ejen anda sebelum melabur. Pembaca juga perlu mengambil kira yuran dan caj yang terlibat. Sila maklum bahawa harga unit mungkin menurun dan juga meningkat. Oleh itu, Takaful IKHLAS Family menafikan sebarang liabiliti dalam sebarang bentuk jika sekiranya pembaca menanggung kerugian apabila bergantung pada maklumat yang terkandung di sini semata-mata.

Notis: Prestasi dana sebelum ini bukan merupakan indikasi bagi prestasi masa hadapan